

SOALAN NO :534

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
(KAPAR)
TARIKH :
SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan:-**

(a) sejauh mana syarat-syarat pengamalan perubatan di Malaysia akan diperketatkan, dan bagaimanakah ini akan memperbaiki mutu para pengamal perubatan; dan

(b) sama ada Kerajaan Pusat boleh melakukan apa-apa usaha untuk membanteras penggunaan gelaran 'doktor' (Dr) palsu yang mempunyai unsur penipuan. Apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengamal perubatan yang boleh mengamal di Malaysia adalah pengamal-pengamal yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM), selaras dengan Akta Perubatan 1971 [Akta 50]. Di bawah Akta 50 ini, hanya pengamal perubatan yang mempunyai kelulusan ijazah asas dari universiti atau pengajian tinggi perubatan yang diiktiraf dan tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta 50 sahaja yang layak untuk didaftarkan dan seterusnya mengamal di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum mana-mana universiti atau pengajian tinggi perubatan disenaraikan di bawah Jadual Kedua tersebut, program perubatan yang berkenaan perlu melalui proses akreditasi. Proses akreditasi tersebut dilaksanakan oleh pihak *Malaysia Qualification Agency* (MQA) selaras dengan *Malaysian Qualifications Act 2007* [Akta 679] dengan kerjasama pihak Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

Hanya universiti atau program perubatan yang mematuhi standard kurikulum yang ditetapkan yang layak diberi akreditasi oleh pihak MQA untuk suatu tempoh tertentu. Setelah tamat tempoh akreditasi, program perubatan tersebut perlu melalui semula proses akreditasi.

Langkah-langkah ini dilakukan bagi memastikan pendidikan perubatan adalah memenuhi standard yang ditetapkan, secara langsung dapat menjamin mutu para graduan dan pengamal perubatan.

Dalam proses akreditasi, kemampuan universiti untuk menghasilkan graduan perubatan yang kompeten dinilai dengan melihat kepada pelaksanaan kurikulum yang sempurna dan juga mempunyai sumber-sumber pembelajaran yang mencukupi seperti bilangan pensyarah yang mencukupi, kemudahan makmal, kemudahan ruangan pembelajaran dan lain-lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa yang sama, graduan perubatan juga perlu menjalani latihan siswazah atau *housemanship* bagi tempoh 2 tahun di mana mereka ini dibimbingi oleh pakar-pakar perubatan untuk memastikan kompetensi dan standard yang ditetapkan.

Bagi mereka yang tidak berjaya menyempurnakan latihan siswazah, mereka ini tidak akan diberi status pendaftaran penuh oleh MPM dan perlu menjalani tempoh pelanjutan latihan yang ditetapkan oleh pakar-pakar perubatan yang menyelia sehingga diperakui sah untuk mengamal kelak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tidak dinafikan, gejala penggunaan gelaran 'doktor' (Dr) palsu di Malaysia semakin banyak dibongkar, sama ada sebagai 'doktor' perubatan ataupun 'doktor' pergigian. Laporan kepada pihak polis boleh dilakukan dimana polis boleh mengambil tindakan di bawah Kanun Keseksaan (*Penal Code*) kerana penipuan dan penyamaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan juga boleh diambil terhadap sektor jagaan kesihatan swasta yang dikawalselia bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] ke atas pemegang lesen atau pemegang pendaftaran fasiliti jagaan kesihatan yang berlesen atau berdaftar, dimana Akta 586 telah menetapkan tanggungjawab kepada pemegang lesen atau pemegang pendaftaran fasiliti jagaan kesihatan yang berlesen atau berdaftar tersebut untuk memastikan semua pegawai perubatan atau pegawai pergigian yang diambil bekerja atau diguna khidmat di fasiliti mereka berdaftar dengan MPM atau Majlis Pergigian Malaysia, dan memegang Perakuan Amalan Tahunan yang sah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi premis jagaan kesihatan swasta yang berlesen/berdaftar di bawah Akta 586, tindakan yang boleh dan telah diambil ialah -

- (a) Mengeluarkan amaran dan arahan penambahbaikan kepada pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran premis;
- (b) Menggantung atau membatalkan lesen atau perakuan pendaftaran premis (bagi kesalahan berulang); dan/atau
- (c) Mendakwa pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran premis di Mahkamah atas kesalahan menggunakan khidmat 'dokter' palsu.

Untuk tempoh **1 Januari 2013 hingga 30 September 2016**, sebanyak **31 premis** telah dikenakan tindakan penguatkuasaan bawah Akta 586 dan dibawa ke Mahkamah, **tidak termasuk** kes-kes yang diambil tindakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), di bawah Kanun Keseksaan kerana melakukan jenayah penipuan.

Selain dari tindakan undang-undang, Kementerian Kesihatan juga sentiasa dari semasa ke semasa:

- (a) memberi kesedaran dan mengingatkan orang ramai untuk hanya mengambil dan menerima rawatan daripada doktor-doktor yang bertauliah, sama ada untuk rawatan perubatan atau pergigian;
- (b) memuatnaik senarai bagi doktor-doktor yang berdaftar di laman web rasmi Majlis Perubatan Malaysia dan Majlis Pergigian Malaysia, bagi memudahkan semakan orang ramai; dan
- (c) menggalakkan mana-mana pihak yang mengesyaki berlakunya penipuan atau penyalahgunaan gelaran 'doktor' oleh mana-mana individu di mana-mana premis jagaan kesihatan menyalurkan aduan atau maklumat yang berkenaan kepada Bahagian Amalan Perubatan melalui emel ckaps.aduan@moh.gov.my, selain membuat laporan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia.